

# AL-HIKMAH

---

**Jilid            11            ISSN 1985-6822            2019**  
**No.            1            1441**

---

- APLIKASI PROGRAM ATLAS.TI DALAM PENYELIDIKAN KUALITATIF BIDANG PENGAJIAN ISLAM: SUATU CADANGAN AWAL... 3-21  
*Mohd Faiz, Mohamed Yusof & Nurhanani Romli*
- LAKUAN LOKUSI GURU AGAMA BANGSA MELAYU... 22-40  
*Muhammad Zuhair Zainal, Mohd Farid Mohd Sharif, Md Baharuddin Abdul Rahman & Al-Amin Mydin*
- DAKWAH SYEIKH NAZIM AL-QUBRUSI: ANTARA PENERIMAAN DAN PENOLAKAN... 41-59  
*Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman, Mohd Haidhar Kamarzaman & Kamarudin Salleh*
- PENDEKATAN STREET DAKWAH KEPADA BUKAN ISLAM DALAM KALANGAN PENDAKWAH NGO MUSLIM DI PULAU PINANG... 60-73  
*Mohamad Nasir Noor Azemy & Rosmawati Mohamad Rasit*
- PERANAN GURU PENDIDIKAN ISLAM MEMBENTUK AKHLAK PELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DAERAH KUNAK SABAH... 74-87  
*Rosnijah Arolah & A'dawiyah Ismail*
- MANHAJ TARBIAH SAYYID MUHAMMAD ALI AL-SANUSI... 88-96  
*Mohd Sobirin Mohd Azehar & Ahmad Irdha*
- ANALISIS FAKTOR KEAGAMAAN TERHADAP AMALAN BERSEDEKAH DALAM KALANGAN MAHASISWA ISLAM: APLIKASI TEKNIK FUZZY DELPHI... 97-117  
*Ahmad Ridwan Osman @ Hussin, Zaharah Hussin & Abdul Muhsin Sulaiman*
- PENGURUSAN TABAYYUN DALAM DAKWAH... 118-131  
*Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Abu Dardaa Mohamad & Rosmawati Mohamad Rasit*
- PENGIMARAHAN DI MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN (MTMZA), PUTRAJAYA... 132-143  
*Ahmad Rijal Ghazali & Ahmad Irdha Mokhtar*
- MANHAJ DAKWAH HABIB UMAR BIN HAFIZ... 144-159  
*Wan Suhailah Wan Abdul Jalil & Abu Dardaa Mohamad*

## Pendekatan Street Dakwah kepada Bukan Islam dalam Kalangan Pendakwah NGO Muslim di Pulau Pinang

Street Dakwah to Non-Muslims by Muslim NGO Preachers in Penang

MOHAMAD NASIR NOOR AZEMY  
ROSMAWATI MOHAMAD RASIT

### ABSTRAK

Pendekatan aktiviti street dakwah kepada bukan Islam di Pulau Pinang oleh pendakwah NGO Muslim berupaya menarik minat golongan bukan Islam untuk mendekati dan memahami ajaran Islam. Namun sebelum ini, Islam itu sendiri dilihat sebagai agama yang menganjurkan keganasan dan pengamalan cara hidup yang mundur yang menyukarkan usaha dakwah untuk disampaikan kepada mereka. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pendekatan street dakwah terhadap tahap kefahaman street dakwah kepada bukan Islam dalam kalangan pendakwah NGO Muslim di Pulau Pinang. Kajian ini juga turut mengkaji aspek pendekatan street dakwah yang digunakan serta mengetahui persepsi pendakwah itu sendiri tentang street dakwah yang telah dijalankan. Kajian ini juga merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Data dikutip dengan menggunakan borang soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 23 untuk melihat kekerapan, peratusan dan min bagi setiap item soalan. Kajian ini dilihat dapat memberi sumbangan baru terhadap bidang penyelidikan street dakwah kepada bukan Islam. Implikasi kajian ini juga dapat memberi manfaat dalam memantapkan lagi persediaan pendakwah kearah perlaksanaan aktiviti dakwah yang dijalankan khususnya street dakwah ini.

**Kata kunci:** *Street Dakwah, NGO Muslim, Organisasi.*

### ABSTRACT

The approach of street dakwah activities to non-Muslims in Penang by Muslim NGO preachers is likely to attract the non-Muslims to reach out and understand Islamic teachings. However, Islam itself is seen as a religion that advocates violence and backward lifestyle that makes it difficult for the preaching work to be conveyed to them. Therefore, this study aims to examine the approach of street dakwah to the level of understanding of street dakwah to non-Muslims among Muslim NGO preachers in Penang. This study also examines the aspects of the

street dakwah approach used and to recognise the preachers' perception of street dakwah. This study uses quantitative method with survey design. Data are collected using questionnaires and analysed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 23 to see the frequency, percentage and mean of each question item. This study is seen as contributing to a new field of street dakwah towards non-Muslims. The implications of this study can be useful to enhance the preparation of the preachers towards the specification of preaching activities carried out in particularly in street dakwah.

**Keywords:** *Street Dakwah, NGO Muslim, Organization.*

## PENGENALAN

Menurut Fariza Md. Sham dan Sulaiman Ibrahim (2000), Islam merupakan agama yang mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia serta turut membincang dan mengiktiraf segala bentuk persoalan yang berkaitan dengan bukan Islam dari segi pendekatan dakwah yang digunakan keatas mereka. Tugas menyeru dan berdakwah kepada bukan Islam ini telahpun dimulakan oleh Rasulullah SAW lagi selaku perintis utama dan diteruskan sehingga kini agar menerima ajaran Islam daripada terus hidup dalam kesesatan. Malah, menurut Zulkifli Aini (2015), menyatakan sebagai umat Rasulullah SAW, seharusnya perlu meneruskan perjuangan dakwah baginda. Ini adalah kerana, dakwah merupakan sunah terbesar yang ditinggalkan oleh baginda untuk umatnya melakukannya agar setiap manusia di dunia ini mendapat mengetahui kebenaran tauhid yang sebenar. Maka, pelaksanaan dakwah perlu menghadapi perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat yang memerlukan kepekaan pendakwah dalam menangani perubahan tersebut. Oleh hal demikian, menurut Fariza Md. Sham dan Sulaiman Ibrahim (2008), lagi satu mekanisma dan strategi dalam mengaplikasikan pendekatan dakwah terhadap golongan bukan Islam ini perlu dipelbagai seiring kehendak perkembangan dunia pada masakini, khususnya terhadap kefahaman mereka pada ajaran Islam. Hal ini kerana banyak elemen yang perlu diberi perhatian bukan sahaja berkaitan perbezaan agama, bahkan perbezaan kaum, adat tradisi, nilai hidup budaya juga turut mempengaruhinya dalam usaha kearah dakwah. Selain itu, tambahan Ghazali Basri (2004), menurutnya pendekatan penyampaian dakwah kini juga sangat mencabar dengan reality kehidupan masyarakat sekarang yang moden ditambah pula dengan gerakan pengkristianan yang aktif yang dilakukan oleh pihak kristian dan agama lain bagi menarik masyarakat kepada agama mereka. Maka, satu kajian akan dilakukan kepada pendakwah Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Muslim di Pulau Pinang. Kajian ini khususnya adalah bagi meneliti realiti semasa perkembangan pendekatan streetdakwah kepada bukan Islam

yang di jalankan oleh NGO Muslim tersebut dalam usaha menyeru mereka kepada Islam. Hal ini bersesuailah sebagaimana maksud Firman Allah SWT:

*Maksudnya: “Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung”. (Al-Qur'an, Al-'Imran 3:104)*

Merujuk tafsiran ayat diatas, Hamka (1999), menjelaskan bahawa nikmat Islam telah menimbulkan persaudaraan, menjinakkan hati dan membawa kejalan yang benar, maka perlulah ada satu golongan umat yang menyeru kepada ajakan dakwah berbuat kebaikan, menyuruh yang makruf dan mencegah serta melarang perbuatan mungkar yang dibenci dan tidak diterima. Malah, jika seruan berbuat kebaikan seluruh masyarakat umumnya menyetujui, membenarkan dan memuji. Akan tetapi jika sebaliknya masyarakat akan menolak, membenci dan tidak menyukainya. Lantaran itu, umat Islam perlu bekerja keras menggerakkan manusia kepada makruf dan menjauhi yang mungkar supaya masyarakat itu bertambah tinggi nilainya. Sesungguhnya ajakan kepada marruf dan mencegah kemungkarannya itu adalah dakwah. Dengan adanya umat yang berdakwah agama Islam itu menjadi hidup.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Pendekatan dakwah hari ini haruslah mesra dan lebih kreatif dalam mendekati sasaran dakwah. Menurut Zulkifli Aini (2015), juga menyatakan bahawa dalam melaksanakan dakwah, pendakwah perlulah melakukannya dengan cara yang kreatif dan bersesuaian dengan keadaan setempat. Lewat kebelakangan ini, dapat dilihat banyak pihak telahpun menjalankan aktiviti street dakwah ini. Walaupun ramai yang beranggapan aktiviti ini adalah baru, namun jika dilihat kembali kepada sejarah penyebaran agama Islam ketika zaman Rasulullah SAW, street dakwah telahpun dilakukan terlebih dahulu oleh baginda SAW dan para sahabat. Baginda menyampaikan kebenaran Islam di depan Ka'bah dengan menyantuni masyarakat di jalanan tanpa berputus asa. Melalui kaedah ini, ramai masyarakat ketika itu menerima Islam walaupun terpaksa menghadapi cabaran penentangan yang sangat hebat. Mengambil pendekatan yang sama seperti yang dilakukan oleh Rasulullah SAW iaitu street dakwah, iaanya telah disesuaikan dengan keadaanya di Malaysia ini. Semoga kajian ini dapat membangkitkan semangat dakwah umat Islam untuk menyebarluaskan lagi agama Islam dalam kalangan bukan Islam khususnya di Pulau Pinang. Pendekatan street

dakwah ini merupakan cara dakwah yang bersesuaian. Semoga menjadi panduan bagi para pendakwah untuk meningkatkan semangat dan usaha dakwah dalam menyebarluaskan syiar, visi dan misi agama Islam terhadap bukan Islam.

### PERNYATAAN MASALAH

Merujuk Sri Hartini Md Noh (2015), proses globalisasi yang sedang melanda dunia kini telah mencabar peranan ulama serta NGO Muslim pada saat ini. Namun, ancaman dakyah ini terhadap masyarakat Islam serta tahap kesedaran dan penghayatan yang rendah oleh masyarakat Islam sendiri menjelaskan lagi cabaran-cabaran yang ada. Maka, penubuhan NGO Muslim dilihat berupaya megislahkan masyarakat ke arah membina kehidupan yang lebih baik berlandaskan ajaran Islam yang suci. Strategi dan teknik dakwah yang efektif seharusnya seiring dengan kemahiran pendakwah-pendakwah yang berkualiti termasuk ilmu yang hendak disampaikan, memiliki pengalaman dan maklumat yang luas serta mempunyai hubungan yang kuat dengan Allah SWT dan hubungan baik sesama manusia.

Tambahan lagi, menurut Azizuddin Azizuddin Ahmad (2016), sebuah negara yang berbilang bangsa sudah pasti terikat dengan pegangan agama yang berlaianan. Begitulah keadaan di Malaysia yang mempunyai kependudukan yang pelbagai agama, bangsa, nilai dan budaya. Namun, Malaysia juga tidak terlepas dari perselisihan faham dalam isu agama disebabkan sikap fanatik, perkauman dan politik. Malaysia telah dikejutkan dengan beberapa kes berlaku seperti perebutan kawasan ibadat seperti berlaku di Pulau Pinang. Keadaan ini mungkin akan berlaku bila-bila masa pada masa akan datang sekiranya sikap penganut agama tidak dapat mengawal emosi dan berfikiran rational. Malah, tidak ada sesiapa yang akan menjamin perkara tersebut akan berlaku lagi. Maka, NGO Muslim harus bekerja keras bagi menampilkkan berbezaan berlaku dalam sudut agama, politik, kaum dan keadilan yang perlu dikurangkan. Kefahaman, hormat menghormati dan sifat tolenrasi yang tinggi akan memudahkan masalah diselesaikan demi perpaduan di dalam negara ini. Islam menghalusi sifat toleransi ini dalam kehidupan bermasyarakat.

Malah merujuk Mohd Shauki Abd Majid (2006):

*“Dalam kehidupan akhir zaman ini, umat Islam mula membuktikan kebenaran hadis-hadis daripada Rasulullah SAW tentang peristiwa akhir zaman yang merupakan wahyu dari Allah SWT, yang disebut mengenai permusuhan umat agama lain terhadap Islam, pelbagai agama telah memerangi dan menghina*

*umat Islam, serta menyebarkan propaganda dengan menuding jari kepada umat Islam sebagai pengganas terhadap umat-umat lain, terutamanya terhadap umat Yahudi dan Kristian”.*

Begitu juga mutakhir ini, Zaini Hassan (2010), bukan Islam terutama agama Kristian terus dengan pantas menyebarkan agama mereka, secara terang-terangan ingin memurtadkan umat Islam, mereka dengan bersungguh-sungguh berusaha menyebarkan misi dan visi agama mereka dari semasa ke semasa dengan pelbagai cara dan prasarana serta melalui kemajuan teknologi dan media untuk mengaburkan akidah umat Islam, sehingga mereka berjaya memurtadkan ramai daripada kalangan umat Islam di Asia khususnya Asia Tenggara.”

### PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan menjawab beberapa persoalan berikut:

Sejauhmanakah pendekatan street dakwah yang digunakan oleh pendakwah NGO Muslim kepada bukan Islam.

### OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif utama iaitu mengkaji pendekatan street dakwah yang digunakan oleh pendakwah NGO Muslim kepada bukan Islam.

### METODOLOGI KAJIAN DAN KAWASAN KAJIAN

#### **Reka Bentuk Kajian**

Menurut Chua Yan Piaw (2014), dalam dunia penyelidikan, hasil kajian ditentekan oleh kaedah dan reka bentuk kajian, manakala reka bentuk kajian pula ditentekan oleh tujuan kajian. Di dalam sesuatu kajian yang hendak dijalankan, ianya memerlukan reka bentuk kajian yang kukuh. Hal ini penting kerana ianya dapat menjawab persoalan kajian apabila maklumat-maklumat yang didapati boleh diguna pakai dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu reka bentuk kajian tinjauan melalui metod soal selidik untuk mengumpul data-data bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk menjawab persoalan yang dikemukakan. Pengkaji telah turun ke lapangan kajian untuk mencari dan mengumpul serta menganalisis data daripada responden. Maklumat-

maklumat daripada kajian ini diperolehi daripada soal selidik yang telah dibentuk berdasarkan objektif kajian.

### **Prosedur Persampelan Kajian**

Merujuk kepada Hansen H.H & Hauser H, P.M (1971), beberapa pertimbangan digunakan untuk mereka bentuk sampel yang akan digunakan dalam kajian ini. Di antara yang terpenting ialah dapat meminimumkan kos, kebolehpercayaan dapatan daripada sampel dan mencakupi elemen-elemen dalam populasi yang diwakili oleh sampel. Penggunaan sampel akan mengurangkan kos, tenaga dan masa penyelidikan. Pemilihan sampel kajian pula adalah memfokuskan kepada golongan pendakwah. Bagi kaedah pemilihan sample kajian ini adalah dengan menggunakan kajian kaedah tinjauan untuk mengenpasti tahap kefahaman pendakwah terhadap aplikasi pendekatan street dakwah yang digunakan kepada bukan Islam. Kajian ini adalah dengan menggunakan borang soal selidik dan respondan dipilih terdiri daripada pendakwah NGO Muslim di Pulau Pinang sebagai persampelan kajian. Terdapat 8 NGO Muslim yang terlibat dalam aktiviti street dakwah di Pulau Pinang. Di antaranya ialah IPSI, IKHRAM, MACMA, HALUAN, Hidayah Centre dan sebagainya. Namun, bagi mendapatkan sampel yang sesuai, pengkaji telah menetapkan bilangan responden seramai 60 pendakwah daripada 3 NGO Muslim iaitu IPSI, Pertubuhan Dakwah Islamiah dan HALUAN. Kajian ini menggunakan persampelan Probabiliti iaitu Persampelan bertujuan. Merujuk kepada Khairuddin Mohamad et al (2016), lagi Persampelan tujuan atau purposive sampling / judgment sampling ini merujuk kepada prosedur persampelan iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih sebagai responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan pengkaji. Ini bermakna tidak semua kajian lain dalam populasinya dipilih oleh pengkaji sebagai responden di dalam kajian tersebut.

Jadual 3.1: Taburan keseluruhan sampel dalam kajian

<b>Bil</b>	<b>Senarai NGO Muslim Pulau Pinang</b>	<b>Bil sampel</b>
1.	Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI)	20
2.	Pertubuhan Dakwah Islamiah	20
3.	Pertubuhan Himpunan Lepasan Institusi Pendidikan	20
<b>Jumlah Keseluruhan Sampel</b>		<b>60</b>

### Kaedah Pengumpulan Data

Menurut Ahmad Sunawari Long (2011), menyatakan bahawa pengumpulan data adalah maklumat penting digunakan untuk membantu menyempurnakan objektif kajian. Oleh itu, kajian ini menggunakan teknik pengumpulan data dengan menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan edaran borang soal selidik yang dijalankan ke atas responden. Kaedah pengedaran soal selidik adalah kaedah yang paling banyak dan popular digunakan dalam kajian sains sosial. Ia digunakan bersama dengan kaedah-kaedah lain seperti pemerhatian dan temu bual bagi menguatkan lagi maklumat penyelidikan. Bagi memastikan kesahan data itu tepat penyelidik memberi keutamaan kepada sumber primer dahulu sebagai contoh tafsiran ayat al-Qur'an dan al-Hadis.

### Penganalisisan Data

Antara kaedah penganalisisan data yang digunakan dalam kajian adalah dengan menggunakan kaedah analisis data kuantitatif. Menurut Sidek Mohd Noah (2002), data kuantitatif merujuk kepada maklumat bersifat angka atau ukuran sesuatu objek. Data kuantitatif pada umumnya bersumberkan kepada tiga perkara iaitu banci, sampel dan perangkaan penting. Malah tambahan Idris Awang (2001), data dalam penyelidikan kuantitatif adalah dalam bentuk angka atau bilangan dan dikumpulkan dengan kaedah tertentu, soal selidik misalnya, ke atas sampel atau sampel-sampel yang dibentuk dengan cara tertentu. Selain itu, analisis data ini adalah proses organisasikan data kajian kepada kategori dan analisis asas deskriptif. Merujuk Nordin et al. (2015), analisis frekuensi digunakan untuk mengetahui min, nilai minimum dan maksimum bagi setiap jawapan. Ia juga bertujuan untuk membersihkan data yang tersilap taip atau kesilapan memasukan data. Analisis tersebut juga membolehkan peratusan jawapan setiap skala ap soalan yang diperolehi. Analisis deskriptif ini juga digunakan pada setiap bahagian bagi mengetahui tahap kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai yang terdapat pada kesemua item yang dibina menerusi instrumen soal selidik disamping penganalisis data dan seterusnya diolah dalam bentuk jadual. Statistik deskriptif ini adalah digunakan untuk mengumpul, menyusun dan mempersempahkan data supaya data yang dipeoleh memberi gambaran dan maklumat yang jelas dan bermakna.

### Instrumen Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah pemungutan data secara skala jawapan jenis Likert lima mata sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian ini. Menurut Louis Cohen et al. (2007), Skala Likert merupakan skala yang popular sebagai indikator pengukuran dan sesuai digunakan bagi mengukur pandangan yang diberikan responden terhadap kajian yang dijalankan. Malah menurut Chua Yan Piaw (2014), mencadangkan bahawa indeks seharusnya dibina dengan menambah item-item yang berkaitan dengan sesuatu konsep. Skala Likert yang digunakan dengan meluas dalam penyelidikan, terutamanya dalam kajian-kajian sains sosial dan pendidikan. Di dalam instrumen kajian ini, responden diminta untuk memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu dari nombor 1 hingga 5 berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut iaitu Sangat Tidak Setuju (1) hingga Sangat Setuju (5) mengikut Skala Likert yang diberikan.

### HASIL KAJIAN MENGENAI PENDEKATAN STREET DAKWAH

Di bahagian ini adalah tahap perlaksanaan pendekatan street dakwah yang digunakan oleh NGO Muslim kepada bukan Islam di Pulau Pinang di nilai berdasarkan taburan jawapan responden mengikut peratusan dan skor min. Ia meliputi aspek pendekatan yang digunakan dalam aktiviti street dakwah. Terdapat 10 item yang disediakan dalam mengenal pasti tahap kefahaman pendakwah mengenai pendekatan street dakwah yang dijalankan. Dapatkan kajian dalam jadual 4.4 ini menunjukkan tahap skor yang tinggi. Ini dibuktikan melalui jawapan yang diberikan oleh responden terhadap 10 item pembolehubah yang ditanyakan kepada mereka. Secara keseluruhannya, hasil daripada dapatan kajian ini menunjukkan majoriti keseluruhan responden bersetuju dan sangat bersetuju berada pada tahap yang tinggi ( $\text{min} = 4.74$ ) mengenai pendekatan street dakwah yang digunakan pendakwah dalam melaksanakan aktiviti street dakwah kepada bukan Islam.

Jadual 4.4 Taburan peratusan, min dan sisihan piawai tahap pendekatan street dakwah yang digunakan responden kepada dakwah bukan Islam

Pernyataan	Peratusan %					Min	S.P	Tahap Interpretasi
	STS	TS	TP	S	SS			
Pendakwah perlu menggunakan kata-	0	0	0	33.3	66.7	4.67	0.475	Tinggi

kata yang baik dan lembut dalam menyampaikan mesej dakwah.	0	0	0	45	55	4.55	0.5	Tinggi
Pendekatan secara hikmah ialah Menyampaikan mesej dakwah mengikut Tahap penerimaan sasaran dakwah.	0	0	0	23.3	76.7	4.77	0.427	Tinggi
Mauizah hasanah juga adalah pendekatan Street dakwah yang berkesan.	0	0	0	26.7	73.3	4.73	0.446	Tinggi
Menggunakan hujah yang baik dan tidak kasar serta nada yang tinggi ketika bermujadalah kepada sasaran.	0	0	0	21.7	78.3	4.78	0.415	Tinggi
Street dakwah mampu mendekati mereka yang ingin mendapatkan mesej Islam.	0	0	0	20	80	4.8	0.403	Tinggi
Bukti-bukti saintifik boleh digunakan dalam pendekatan dakwah secara bermujadalah.	0	0	0	21.7	78.3	4.78	0.415	Tinggi
Pendekatan dakwah secara hikmah, maw'izah hasanah dan mujadalah husna bergantung kepada tempat, situasi, masa dan latar belakang sebuah masyarakat.	0	0	0	18.3	81.7	4.82	0.39	Tinggi
Pendekatan street dakwah yang bersahaja dan santai yang berselang-seli dengan Hiburan islamik merupakan pendekatan yang tepat dan mampu menarik pelbagai Lapisan umur	0	0	0	21.7	78.3	4.78	0.415	Tinggi
Pendekatan street dakwah dengan Menggunakan beberapa elemen hiburan Seperti	0	0	0	21.7	78.3	4.78	0.415	Tinggi

persembahan muzik jalanan (busking), Penyampaian mesej dan informasi secara lisan (motivasi dan puisi) dan banyak lagi Terjemahan al-Qu'r'an, risalah berkaitan dengan Islam turut diedarkan dalam pendekatan street dakwah. Jumlah	0	0	0	26.7	73.3	4.73.	0.446	Tinggi
						4.74		Tinggi

STS= Sangat Tidak Setuju; TS= Tidak Setuju; TP= Tidak Pasti; S= Setuju; SS= Sangat Setuju; S.P= Sisihan Piawai

Secara puratanya, nilai min item yang paling tinggi dalam bahagian ini boleh dilihat pada item 8 iaitu “pendekatan aktiviti street dakwah ini juga perlulah diadakan dalam konsep dakwah bersahaja dan santai dengan berselang seli bersama hiburan islamik agar ianya mampu menarik pelbagai lapisan umur” iaitu nilai min sebanyak (min=4.82). Jelasnya item 8 ini membuktikan sebanyak 18.3 peratus responden bersetuju dan 81.7 peratus lagi sangat bersetuju pada item tersebut.

Dilihat pada nilai min kedua tertinggi pula adalah pada pernyataan item ke 6 iaitu nilai (min=4.80) iaitu pernyataan “Bukti-bukti saintifik boleh digunakan dalam pendekatan dakwah secara bermujadalah”. Buktinya sebanyak 20.0 peratus responden bersetuju manakala 80.0 peratus lagi sangat bersetuju di item 6 diatas. Menjadi perbincangan disini ialah menurut Fariza Md. Sham & Sulaiman Ibrahim (2000), bahawa dalam konteks dakwah kepada bukan Islam, didapati tugas melaksanakan dakwah di zaman moden adalah suatu perkara yang tidak kurang susahnya berbanding zaman dahulu, terutama bila berhadapan dengan golongan manusia yang berpelajaran tinggi serta berfahaman material semata-mata. Sebahagian besar manusia di zaman moden ini meminta segala sesuatu yang didakwahkan itu mesti disertakan hujan dan bukti saintifik sebelum mereka bersedia menerimanya. Justeru, manhaj mujadalah husna ini masih terus relevan pada zaman ini dan fungsinya amat nyata sekali dalam menundukkan manusia agar menerima hakikat kebenaran.

Manakala melihat di bahagian ini juga nilai min yang paling rendah adalah pada pernyataan item 2 sebanyak nilai (min= 4.55) pada pernyataan “pendekatan secara hikmah ialah menyampaikan mesej dakwah mengikut tahap penerimaan sasaran dakwah”. Sebanyak 45.0 peratus responden bersetuju dan 55.0 peratus lagi bersetuju pada item 2 tersebut. Hal ini jelas menurut Ruzain Syukur Mansor (2011), kaedah dakwah yang

dituntut juga haruslah mengikut keperluan zaman dan sesuai dengan kemampuan masyarakat. Hikmah mungkin boleh difahami sebagai kepelbagaiannya dalam menggunakan wasilah yang paling sesuai bagi mencapai sesuatu tujuan.

Bagi nilai min kedua terendah pula adalah pada item 1 dengan nilai (min=4.67) pada pernyataan “pendekatan street dakwah memerlukan pendakwah menggunakan kata-kata yang baik dan lembut dalam menyampaikan dakwahnya”. Sebanyak 33.3 peratus respondan bersetuju dan 66.7 peratus lagi menyatakan sangat bersetuju mengenai item ini. Oleh hal demikian kefahaman pendakwah mengenai hal ini haruslah diberikan perhatian. Dapatkan ini selari dengan kajian Amaludin Ab. Rahman (2008), yang menyatakan bahawa mau’izah hasanah dalam dakwah bermaksud usaha untuk menghindarkan manusia daripada melakukan perkara yang buruk dengan cara menimbulkan minat dan ransangan untuk meninggalkan serta menanam rasa tidak mahu melakukannya. Ini akan melembutkan jiwa dan memberi petunjuk kepada hati dan seterusnya membawa kepada kesedaran diri. Menurut Wan Hussein Azmi (1995), juga turut bersetuju bahawa pendekatan mau’izah hasanah suatu kata nasihat dengan sebaik-baik perkataan untuk menimbulkan rasa jijik dan benci kepada perkara yang buruk bahkan timbul keazaman untuk meninggalkannya, serta meransang untuk berbuat kebaikan. Ini selaras dengan Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl 16: 125 seperti yang dijelaskan sebelum ini.

Dapatkan ini turut disokong oleh Nurul Fathiyah Ghazali (2011), yang menjelaskan bahawa mau’izah hasanah juga termasuk al-qissah dalam al-Qur'an mempunyai bentuk, tema, cara pengungkapan serta pengaturan peristiwa-peristiwa yang khusus. Bentuk penceritaan ini mempunyai matlamat tertentu dan mempunyai rahsia di sebalik setiap sesuatu al-qissa tersebut. Antara fungsi al-qissah dalam al-Qur'an dapat menyentuh jiwa agar menerima pelajaran dan nasihat secara tidak langsung, membentuk disiplin diri, contoh teladan kepada masyarakat, penawar jiwa, mengajak manusia berfikir dan membentuk jati diri. Dapatkan kajian ini juga selari dengan pendapat Wan Hussien Azmi (1984), yang menyatakan bahawa cerita boleh menjadi satu alat penerangan dalam berdakwah. Cerita menggambarkan segala aspek kehidupan dan menurut beliau pendakwah hendaklah menggunakaninya. Sebaik-baik cerita ialah cerita al-Qur'an yang meneguhkan iman dan berfungsi menyempurnakan budi pekerti dan juga menjadi kuat asas-asas kemajuan Islam. Jelas, penceramah-penceramah dari Pusat Dakwah Islamiah perlu mengekalkan pendekatan bercerita kepada sasaran dakwah kerana tidak dinafikan bahawa pendekatan dakwah melalui kaedah bercerita memberi impak yang positif terhadap sasaran

dakwah. Hal ini akan lebih meyakinkan hati sasaran dakwah terhadap dakwah yang disampaikan.

## KESIMPULAN

Dalam artikel ini pengkaji telah membuat analisis secara menyeluruh hasil daripada item soal selidik yang telah diedarkan. Analisis dibuat berdasarkan persoalan kajian yang telah ditetapkan untuk mencari nilai kekerapan, peratus dan min. Pada bahagian akhir artikel ini pengkaji telah menggunakan nilai peratus dan min secara keseluruhan bagi menentukan aras ketinggian dan kerendahan sesuatu persoalan kajian yang dikaji untuk mengetahui tahap pencapaian matlamat kajian. Hasil dapatan kajian yang di jalankan menunjukkan responden yang dipilih untuk menjawab soal selidik ini adalah dalam kalangan mereka yang memahami isu yang berkaitan pendekatan street dakwah yang dijalankan kini. Responden memberikan kerjasama dan tidak beremosi apabila menjawab borang soal selidik ini. Majoriti responden bersetuju dengan kefahaman, pendekatan dan persepsi positif yang harus ada bagi seoarang pendakwah dalam menjalankan street dakwah khusunya kepada bukan Islam. Sesungguhnya street dakwah yang dilaksanakan berlandaskan syarak ianya akan membawa kesan psikologi positif terhadap pengamalnya begitu juga sebaliknya. Secara kesimpulanya, responden memahami isu berkaitan street dakwah di samping mengetahui pendekatan bagi pelaksanaannya. Manakala, hasil dapatan kajian daripada soal selidik ini mendapati bahawa pelaksanaan dan pendekatan street dakwah melaui pendekatan secara hikmah, mau'izah hasanah dan mujadalah husna memudahkan menyampaikan dakwah kepada bukan Islam. Selain itu, street dakwah perlulah mengikut apa yang telah digariskan oleh Islam agar ianya dapat mewujudkan dakwah yang harmoni dan dapat diterima ramai.

## RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim.
- Ahmad Sunawari Long. 2011. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam*: Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amaludin Ab. Rahman. 2008. *Perkhidmatan Kaunseling: Pendekatan Dalam Hikmah Berdakwah*. Kuala Lumpur. Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Azizuddin Ahmad. 2006. *Peranan NGO Dalam Masyarakat Beragama*. 5 Oktober. <http://semangatkita.blogspot.com/2006/10/peranan-ngo-dalam-masyarakat-beragama.html>

- Chua Yan Piaw. 2014. *Kaedah & Statistik Penyelidikan Buku 5*, Ujian Regresi, Analisis Faktor & Analisis SEM. McGraw-Hill Sdn Bhd.
- Chua Yan Piaw. 2014. *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Shah Alam: McGraw-Hill Sdn Bhd.
- Fariza Md. Sham & Sulaiman Ibrahim. 2008. *Metodologi Dakwah*. Bangi: Pusat Kembangan Pendidikan (PKP), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fariza Md. Sham & Sulaiman Ibrahim. 2000. *Dakwah Dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ghazali Basri. 2004. *Gerakan Kristian*. Ed. 2. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hansen H.H & Hauser H, P.M . 1971. *Are Sampling Some Principle Design In Frakin*, B.J And Osborne, H.W, (ed) Research Method Issue And Insight. California: Wadsworth Publishing Company.
- Hamka. 1999. *Tafsir Al-Azhar* Jilid 3. Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Idris Awang. 2001. *Kaedah Penyelidikan: Suara Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Khairuddin Mohamad, Ibrahim Ysof & Zaridah Ramli. 2016. *Penyelidikan Dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Sasbadi Sdn. Bhd.
- Louis Cohen, Lawrence Manion & Keith Morrison. 2007. *Research Methods Education* Edt 6. New York : Routledge & Francis Group.
- Mohd Shauki Abd Majid. 2006. *Prejudis Barat Terhadap Islam*. Utusan Malaysia. 20 September..
- Nordin Abd Razak, Nurhanim Saadah Abdullah & Mohamad Ismail Abd Aziz . 2015. *SPSS For Beginners*. Institute of Postgraudate Studies. Universiti Sains Malaysia.
- Nurul Fathiyah Ghazali. 2011. *Kecenderungan Pembaca Remaja Terhadap Nover Popular Dakwah*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ruzain Syukur Mansor. 2011. *Dakwah dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Sidek Mohd Noah. 2002. *Rekabentuk Penyelidikan*. Universiti Putra Malaysia.
- Sri Hartini Md Noh. 2015. *Peranan Mufti & NGO Islam Terhadap Dakwah Di Kalangan Masyarakat*. Bicara Mufti Edisi 6 2015.
- Wan Hussein Azmi. 1995. *Organisasi dan Carta Gerakan Dakwah Islamiah Kini*. Dlm. Sidi Gazalba & Zainab Ismail (pnyt.). *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*. Bangi: Penerbit UKM.
- Zulkifle Aini. 2015. *Street Dakwah@Dakwah Jalana Aktiviti Mendekatkan Islam Kepada Masyarakat Awam*. Edisi FOKUS Januari 2015 Vol 3.
- Zaini Hassan. 2011. *Mudah-Mudahan Kita Tidak Terus Buta Perut!*. 10 Ogos. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia.

\*Mohamad Nasir B Noor Azemy  
Program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Emel: nasirlibrary@yahoo.com